

18 MAR 2000

DPMM-Bank

DPMM MAHU K'JAAN DAN BANK AMBIL TINDAKAN TERHADAP PEMBOCOR RAHSIA

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) hari ini menggesa kerajaan dan pengurusan bank mengambil tindakan "sekeras-kerasnya" terhadap pegawai-pegawai bank yang membocorkan urusan pelanggan dan kerajaan kepada umum.

"Pegawai-pegawai yang terlibat harus dikenakan hukuman yang seberat-beratnya," kata Presiden DPMM Tan Sri Tajudin Ramli dalam satu kenyataan.

Beliau berkata DPMM memandang berat kegiatan beberapa kakitangan bank yang membocorkan rahsia pelanggan mereka.

"Kegiatan demikian amat mengecewakan kerana kerahsiaan urusan antara pelanggan dan bank tidak lagi dihormati," katanya.

Kegiatan itu didedahkan oleh Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Ali Rustam yang mendakwa beberapa kakitangan bank di negeri itu membocorkan urusan kerajaan dengan bank terbabit.

Ali dilaporkan berkata Bank Islam dan Bank Bumiputra Commerce dikenal pasti mempunyai kakitangan yang mendedahkan urusan kerajaan kepada umum.

Ketua Menteri itu berkata kerajaan Melaka bercadang untuk mengeluarkan simpanan tetap kerajaan negeri itu daripada bank-bank berkenaan.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pengurusan bank "sedikit sebanyak" perlu bertanggungjawab terhadap tindakan pekerja mereka membocorkan urusan pelanggan dan kerajaan kepada umum.

Khamis lepas, Dr Mahathir dilaporkan berkata kerajaan pusat mungkin mengambil tindakan yang sama seperti kerajaan negeri Melaka.

Kesatuan Pekerja-pekerja Bank Kebangsaan (NUBE) turut meminta pengurusan bank yang terbabit supaya menyiasat perkara itu dan mengambil tindakan terhadap mereka yang bersalah.

Tajudin berkata perbuatan pegawai-pegawai dan kakitangan bank berkenaan "jelas sudah melanggar nilai dan prinsip amanah hubungan antara pelanggan dan bank."

"Amanah merupakan prinsip utama yang melandasi sistem perbankan - dari zaman awal merkantilisme yang berpusat di Venice sehinggalah sekarang. Jika amanah dicabuli, sistem perbankan akan runtuh kerana hilangnya keyakinan pelanggan terhadapnya," katanya.

Katanya, apa yang lebih mengecewakan ialah kegiatan pembocoran rahsia itu berlaku di bank yang berunsurkan Islam dan sudah tentu pegawai-pegawai yang melakukannya beragama Islam.

"Di manakah letaknya maruah kakitangan-kakitangan tersebut kerana mereka mencabuli amanah yang diberikan kepada mereka?" tanya beliau.

Bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Ramon Navaratnam berkata tindakan seperti itu oleh pekerja bank tidak dapat diterima dan mereka yang bersalah patut dipecat.

"Lebih adil jika tindakan diambil terhadap individu yang bersalah daripada menghukum bank itu sendiri," katanya kepada Bernama.

Navaratnam, yang juga bekas ketua pegawai eksekutif Bank Buruh (sekarang BSN Commercial Bank), berharap isu itu tidak dilihat sebagai kemerosotan bukan saja dalam sistem perbankan tetapi dalam aspek ekonomi yang lain.

"Tahap profesionalisme perlu dikekalkan dan dibaiki dalam semua sektor ekonomi jika kita mahu bersaing dalam era globalisasi dan liberalisasi," katanya.

-- BERNAMA

AZZ MAI